

04/06/2002

PM nasihat kesatuan sekerja elak konfrontasi

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sudah sampai masanya untuk kesatuan sekerja di rantau ini, untuk tidak lagi menggunakan cara konfrontasi atau menguji kekuatan dalam menyelesaikan pertikaian antara pekerja dan majikan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kaedah terbaik bagi menyelesaikan pertikaian antara kesatuan sekerja dan majikan ialah dengan kaedah timbang tara melalui pihak ketiga.

"Ini kerana pihak ketiga tanpa kepentingan diri boleh menyelesaikan pertikaian yang berlaku dengan lebih berkesan dan lebih adil berbanding pihak yang bertelagah itu sendiri.

"Jadi sudah sampai masanya untuk kita mengelak daripada perbuatan menguji kekuatan (kesatuan) untuk menyelesaikan sebarang pertikaian antara pekerja dan majikan," katanya berucap merasmikan Persidangan Serantau Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa (UNI) - Pejabat Rantau Asia Pasifik (APRO) Yang Pertama, di Hotel Istana di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, di Barat kaedah biasa yang sering digunakan bagi menyelesaikan masalah ialah dengan konfrontasi atau menguji kekuatan, yang mana siapa yang menang akan membolot semuanya.

Kaedah ini kata beliau, sebenarnya amat merugikan dan kerosakan yang berlaku akibat daripadanya tidak akan dapat dipulihkan dalam masa yang singkat.

Beliau turut menegur kesatuan sekerja yang sering kali tidak memikirkan dengan mendalam ketika menggunakan kuasa mereka untuk mendesak gaji lebih tinggi, sehingga tidak menghiraukan kos produk yang meningkat, apabila merasakan diri mereka sudah menjadi semakin kuat.

"Selain menyumbang ke arah kos produk yang lebih tinggi, perbuatan mendesak pampasan lebih tinggi bagi kerja yang dilakukan akan membawa kepada kos kehidupan yang lebih tinggi, dan ini akan menjejaskan kuasa membeli pekerja. Gaji yang lebih tinggi tanpa kuasa membeli yang lebih tinggi tidak bermakna," katanya.

Menyentuh mengenai globalisasi, Dr Mahathir mengulangi perlunya dunia menjadi lebih saksama dalam mengagihkan kekayaan di kalangan semua pihak.

"Kemakmuran seluruh dunia harus diagihkan secara saksama di meja rundingan dengan setiap pihak diberikan perwakilan saksama dan hak sepenuhnya. Adalah penting pengagihan tidak merugikan satu pihak dan menguntungkan yang satu lagi," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas itu, beliau mengingatkan pekerja dan kesatuan supaya mengkaji secara mendalam kesan globalisasi supaya mereka tidak hilang peranan untuk mencapai kecekapan dan hilang peluang pekerjaan apabila globalisasi berjalan.

Perdana Menteri berkata, kajian juga perlu supaya tidak berlaku pengangguran secara berleluasa di negara yang tidak menawarkan faedah atau perlindungan kepada pekerja mereka.

Katanya, dalam keadaan syarikat serta institusi kewangan bergabung untuk menghadapi globalisasi, pengangguran secara besar-besaran tidak harus berlaku.

(END)